



JPK 03-17/3004 Jld.2(11)
Tarikh: 29 Januari 2012

Semua Pegawai Pelajaran Daerah
Negeri Kedah Darul Aman

Tuan,

Pengemaskinian Data Bagi Penempatan Dan Pertukaran Guru

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Bersama- sama ini disampaikan surat KP(BPSH-SPSM) 301/02/12 Jld.5(45) bertarikh 9 Januari 2012 untuk disampaikan kepada sekolah- sekolah dalam daerah tuan supaya tindakan dapat diambil dengan segera.

3. Kerjasama tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.


‘ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ‘
‘ PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG ‘

Saya yang menurut perintah,

(SHHRIR BIN ABU BAKAR)
Ketua Penolong Pengarah
Unit Pengurusan Sekolah Menengah
b.p.Pengarah Pelajaran Negeri Kedah Darul Aman.

sk - Pengarah Pelajaran Negeri, JPN Kedah
- Ketua Sektor, Sektor Pendidikan Islam, JPN Kedah
- Ketua Unit, Unit Pengurusan Sekolah Rendah, JPN Kedah

Pertukaran/men/zahini@mad



BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 3 & 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
Tel : 03-88849586 (Aras 3) / 03-88849370 (Aras 4)
Faks : 03-88849315
Laman Web : <http://www.moe.gov.my/bs>



45

KP(BPSH-SPSM) 301/ 02/ 12/Jld.5 (45)
09 Januari 2012

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Tuan,

Pengemaskinian Data Bagi Penempatan Dan Pertukaran Guru

Dengan hormatnya perkara di atas dan surat siaran bahagian ini KP(BPSH-SPSM) 301/ 02/ 12/Jld.3 (48) bertarikh 30 Julai 2010 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia sedang melaksanakan pengemaskinian data maklumat guru secara berterusan bagi **Penempatan Baru, Penempatan Pertukaran, Pertukaran *off-line*, Kes Khas Dan Kenaikan Pangkat** di semua sekolah harian melalui sistem e-Operasi.

3. Sehubungan itu, pihak Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan sekolah perlu membuat pengemaskinian data dengan merujuk SOP seperti di *Lampiran 1* dan *Lampiran 2* bagi semua proses kerja berkaitan penempatan dan pertukaran guru yang dilaksanakan sepanjang tahun. Bagi memastikan JPN, PPD dan Sekolah membuat pengemaskinian data, SOP yang disediakan perlu dipatuhi supaya semua maklumat guru tersebut dapat dikemaskini mengikut masa yang ditetapkan.

4. Sehubungan dengan itu, bahagian ini memohon kerjasama Y.Bhg. Datuk /Dato'/ Tuan, untuk memaklumkan kepada semua pegawai JPN/ PPD dan sekolah di bawah kawalan Y.Bhg. Datuk /Dato'/ Tuan bagi mengemaskini data berkenaan di laman <http://apps.moe.gov.my/eoperasi/>. Sekiranya ada sebarang pertanyaan, sila hubungi **En Zanol Bin Haji Awang** (No.Tel : 03-88849346). Segala bentuk kerjasama yang Y.Bhg. Datuk /Dato'/ Tuan berikan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



DATO' HAJI MAZLAN BIN MOHAMAD DSAP, DIMP

Pengarah


Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k :

1. Timbalan Pengarah (Sekolah)
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
2. KPP Sektor Pengurusan Sekolah Menengah

**CARTA ALIRAN KERJA PENGEMASKINIAN DATA PENEMPATAN GURU
BARU DAN PENEMPATAN PERTUKARAN**



JADUAL KERJA KEMASKINI DATA GURU

MINGGU	PERKARA	TINDAKAN
1	KPM menghantar senarai penempatan dan pertukaran guru secara muat naik data ke Jabatan Pelajaran Negeri	KPM/JPN
2	1. Jabatan Pelajaran Negeri menempatkan guru ke sekolah(Memasukkan Kod Sekolah) 2. Sekolah kemaskini data guru yang melapor diri dan Pengetua/Guru Besar membuat pengesahan dan seterusnya muat naik data ke PPD	JPN/SEKOLAH
3	PPD membuat verifikasi data sekolah dan pengesahan di peringkat PPD dan muat naik data guru ke JPN	SEKOLAH/PPD
4	1. JPN membuat verifikasi data semua PPD dan pengesahan di peringkat JPN dan muat naik data guru baru ke KPM 2. KPM membuat verifikasi data dan pengesahan di peringkat bahagian	JPN/KPM
5	1. Bahagian-bahagian KPM membuat verifikasi data pengesahan dan muat bahagian ke server KPM 2. Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) membuat penyelarasan teknikal kepada semua maklumat dan data	BPSH/BPM